

Persidangan Institut Pengajian Dasar

Vivian: SG perlu kuasai teknologi baru untuk kekal relevan

Norman Sawi

Berita Harian, 29 January 2019

SINGAPURA perlu kekal relevan dalam era baru yang terjejas dengan teknologi dengan menguasai perubahan ini, sebagaimana yang telah ia lakukan sejak dahulu lagi.

Justeru, bagi merebut peluang dalam data besar dan teknologi bijak, Singapura perlu sentiasa terbuka kepada rakan asing, menyokong hubungan antara negara yang berdasarkan undang-undang antarabangsa, dan berurusan dengan negara lain secara berprinsip dan tidak berpihak, kata Menteri Ehwat Luar, Dr Vivian Balakrishnan.

"Singapura tidak akan menjadi kuasa besar di dunia.

"Tetapi kita perlu menguasai teknologi jika kita ingin kekal berjaya dan memelihara kebebasan kita untuk membuat keputusan berdasarkan kepentingan kita sendiri sebagai negara berdaulat, di masa depan," kata Dr Balakrishnan dalam ucapannya di sidang Perspektif Singapura 2019: Singapura.Dunia semalam.

Menurut Dr Balakrishnan, yang juga Menteri Bertanggungjawab bagi Inisiatif Negara Bijak, pencapaian teknologi utama biasanya menyebabkan perubahan besar dalam ekonomi yang menjejaskan masyarakat dan politik.

Perkembangan itu, ujar Dr Balakrishnan, boleh menjejaskan keseimbangan kuasa di dunia.

"Perkara ini pernah berlaku, dan ia akan berulang, tetapi secara lebih pantas dan oleh pihak yang berbeza," ujar Dr Balakrishnan, yang memberikan contoh Revolusi Perusahaan pada awal kurun ke-19, revolusi perkilangan dalam sektor penghasilan kereta, dan gelombang penjeyagatan yang berlaku selepas Perang Dunia Kedua.

Dr Balakrishnan mengetengahkan tiga usulan utama bagi membantu Singapura mengatasi cabaran dan seterusnya merebut peluang yang dicetus teknologi - supaya Singapura menjadi kekal terbuka dan bekerjasama dengan semua pihak yang ingin berbuat demikian; terus berurusan dengan kuasa besar dengan cara yang berdisiplin, berprinsip dan tanpa berpihak; serta menyokong aturan dunia berdasarkan undang-undang antarabangsa.

Menurut Dr Balakrishnan, Singapura boleh kekal berjaya jika ia bertindak sewajarnya dan membuat pilihan yang bijak.

"Kita pernah melakukannya sebelum ini, dengan merebut gelombang offshore semasa kita mendapak perusahaan pada tahun 1960-an.

"Pada tahun 1970-an, kita membuat keputusan betul untuk menumpukan usaha pada pengurusan logistik," kata Dr Balakrishnan.

"Kini, kita boleh melakukannya lagi dengan data besar dan teknologi bijak."

Sidang tahunan yang dianjurkan oleh Institut Pengajian Dasar (IPS) itu diadakan di Marina Bay Sands dan bertujuan membincangkan perkembangan geopolitik dan kesannya terhadap Singapura dan rantau ini.

Dr Balakrishnan, yang menyertai sekitar 1,200 peserta di sidang itu, juga menyertai sesi dialog di akhir program sehari itu.

Menjawab soalan berkenaan tatalaku Singapura apabila berurusan dengan negara lebih besar dan lebih berpengaruh, Dr Balakrishnan berkata Singapura perlu berdisiplin dan bertindak secara konsisten.

"Kita perlu berupaya berkata tidak dari masa ke masa dengan cara yang berprinsip dan berdisiplin, dengan berpandukan undang-undang antarabangsa.

"Kita perlu berhak berkata tidak kepada jiran-jiran dan sebarang kuasa besar, jika permintaan mereka tidak munasabah atau melanggar undang-undang antarabangsa," kata Dr Balakrishnan.